

# Majlis berbuka UniKL bersama anak yatim

**Kajang:** Mengambil kira keperluan golongan kurang berasih baik, Kelab Bahasa Malaysian Institute of Information Technology (MIIT), Universiti Kuala Lumpur (UniKL) mengadakan lawatan dan menganjurkan majlis berbuka puasa bersama anak yatim Rumah Kebajikan Peribadi Mulia, Sungai Kantan, di sini, baru-baru ini.

Pengurus projek, Muhammad Irfan Hafiz Ahmad Razani, berkata pengaturan program itu bertujuan meningkatkan pembabitan pelajar UniKL dengan masyarakat serta meraikan anak yatim supaya mereka berasa gembira setiap kali menjelang Ramadan dan Aidilfitri.

“Program kali ini dibahagikan kepada tiga aktiviti utama iaitu membeli barang

info

→ Bengkel sehari itu dikendalikan 11 pelajar kejuruteraan, merangkumi pelbagai stesen permainan dan pelajaran dalam kelas untuk memupuk minat terhadap STEM dalam kalangan kanak-kanak.

→ EMF ditaja oleh Institusi Jurutera Mekanikal Malaysia dan Institusi Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia.

keperluan ketika Ramadan, sesi kemahiran bahasa bersama sukarelawan dari UniKL dan iftar bersama anak yatim Rumah Kebajikan Peribadi Mulia.

“Kami sangat teruja dapat membantu anak yatim ini membeli barang keperluan yang mereka ingin di pusat beli belah di Kajang dan segala urusan berjalan lancar dengan bantuan kakitangan pasar raya serta pelajar UniKL sendiri,” katanya.

## Kemahiran bahasa

Seramai 45 peserta terdiri daripada pelajar program diploma dan sarjana muda dari UniKL MIIT mengambil bahagian dalam projek kali ini bagi menceriakan 65 penghuni rumah berkennaan.

Sementara itu, Ketua Aktiviti Kelab Bahasa, Nurfikri



**Pelajar UniKL MIIT bergambar bersama-sama anak yatim Rumah Kebajikan Peribadi Mulia, Sungai Kantan, Kajang selepas selesai sesi membeli barang keperluan Ramadan.**

Mohamad Azman, berkata sebagai pengisian kepada waktu terluang sebelum majlis iftar, peserta menggunakan kesempatan itu untuk berkongsi mengenai empat aspek kemahiran bahasa iaitu membaca, mendengar,

bertutur dan menulis.

“Kesemua anak yatim dilihat cukup teruja, sekali gus menunjukkan bahawa aktiviti ini menyeronokkan dan boleh memberi manfaat kepada mereka untuk lebih yakin bila berkomu-

nikasi,” katanya.

Sesi iftar pula berlangsung meriah di Restoran Bangi Golf Resort dan sebanyak RM9,000 hasil sumbangan daripada pelbagai pihak membantu menjayakan keseluruhan program.